

# UMS juara Kejuhanan Bola Jaring Piala Toh Puan Kali Ke-3

UB 18.11.2014 A14

KOTA KINABALU:Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengungguli Kejuhanan Bola Jaring Piala Toh Puan kali ke -3, 2014 dengan menewaskan Alumni Maktab Sabah (OSCA) 14-13 dalam perlawanan akhir petang kelmarin.

Pemain UMS Dayang Anak Manggie dipilih sebagai pemain terbaik kejuhanan, manakala OSCA menerima hadiah 'Best Attire' disamping pemainnya Norsamimi Nazirah muncul sebagai penjaring terbanyak.

Pasukan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan menerima hadiah Fair Play. Sebanyak 23 pasukan mengambil bahagian dengan 300 atlet dan pengurus pasukan terlibat dalam kejuhanan selama dua hari itu.

Sementara itu, Presiden Bola Jaring Sabah (SABANA), Chenderamata Sinteh menyatakan bahawa penyertaan amat menggalakkan dari Jabatan dan Agensi kerajaan serta persatuan-persatuan wanita di negeri ini termasuklah penyertaan dari Majlis Perbandaran Sandakan.

Katanya, usaha berterusan akan yang dilakukan oleh S A B A N A untuk mempopularkan sukan bola jaring telah menampakan hasilnya dengan pen-



**PASUKAN UMS** muncul juara Kejuhanan Bola Jaring Piala Toh Puan kali ke -3.



**NORLIDAH** (dua kanan) menyampaikan hadiah kepada pengurus pasukan UMS.



**DAYANG** yang mewakili UMS dipilih sebagai pemain terbaik kejuhanan.

ingkatan secara mendadak bilan-

gan pasukan yang menyertainya tahun ini berbanding dua kejuhanan yang dilaksanakan sebelum ini.

Toh Puan Datuk Seri Panglima Hajah Norlidah Tan Sri R.M Jasni, isteri Yang Di-Pertua Negeri Sabah selaku Penaung Persatuan Bola Jaring Sabah berkenan menyaksikan perlawanan akhir dan seterusnya men-

yampaikan hadiah kepada pemenang.

Johan UMS menerima hadiah wang tunai RM 1,000.00, piala, pingat dan sijil, tempat kedua OSCA menerima RM 700.00, piala, pingat dan sijil ; tempat ketiga Imigresen RM 500.00, piala, pingat dan sijil manakala tempat keempat BOMBA menerima RM 150.00 dan sijil.



**NORLIDAH** (tengah) merakamkan gambar kenangan bersama pasukan yang bertanding